

TARIKH	3 / 10 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	22	RUANGAN	stempat

Tabung Haji biaya kos

MAKKAH: Tabung Haji akan menyempurnakan ibadah bakal haji jemaah Malaysia yang meninggal dunia sebelum sempat melaksanakan rukun Haji Wukuf di Padang Arafah pada 9 Zulhijjah atau bersamaan 25 Oktober.

Timbalan Ketua Rombo-
ngan Haji Malaysia, Teng-
ku Aziz Raja Abdullah
berkata, kos bagi bakal ha-
ji untuk mereka yang me-
ninggal dunia itu akan di-
biayai menerusi tabung
kebajikan Tabung Haji.

"Bagaimanapun ini ber-
gantung kepada kebena-
ran waris jemaah haji. Se-
takat ini, tiga jemaah haji
Malaysia meninggal dunia
di Tanah Suci," katanya
kepada wartawan Malay-
sia, di sini yang membuat
liputan musim haji tahun
ini.

Dalam pada itu, katanya,
pihak Tabung Haji me-
netapkan bayaran seba-
nyak RM2,500 bagi me-
reka yang ingin mewa-
kilkkan Tabung Haji untuk
melaksanakan upah haji
tahun ini bagi anggota ke-
luarga yang meninggal
dunia.